



AHLI mesyuarat turut merakamkan gambar kenangan. Kelihatan Setiausaha Persekutuan Sabah, Nor Azri Zulfakar (duduk enam dari kanan) dan Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin (duduk lima dari kiri).

SUP pengerusikan Mesyuarat Kluster Pendidikan Sabah di UMS

UB 24.2.2019 A5

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Perhubungan Kluster Pendidikan Negeri Sabah yang dipengerusikan Setiausaha Persekutuan Sabah, Nor Azri Zulfakar, di sini, baru-baru ini.

Menurut kenyataan Bahagian Pentadbiran dan Governan Jabatan Pendaftar UMS, mesyuarat tersebut antara lain mengupas agenda mengenai kaedah untuk mengenal pasti isu dan cabaran yang dihadapi oleh kluster pendidikan khususnya di negeri Sabah.

“Turut dibincangkan isu dan cabaran dalam menerapkan

sahsiah jati diri dan keterhadapan belia pada ketika ini dengan kemudahan teknologi yang kian berkembang pesat, di samping mencari langkah mempelbagaikan kaedah dalam aspek pengajaran dan pendidikan ke arah Revolusi Industri (IR) 4.0.

“Hasil daripada perbincangan dan percambahan idea itu akan dibentangkan di peringkat pengurusan tertinggi oleh Nor Azri,” demikian menurut kenyataan itu yang dikeluarkan pada Jumaat.

Kenyataan itu turut memaklumkan bahawa seramai 30 ahli hadir menjayakan

mesyuarat yang diurusetiakan sendiri oleh Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin.

Ia termasuklah wakil-wakil dari Institusi Pengajian Tinggi Awam, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Pengarah-pengarah Institut Pendidikan Guru, Pengarah-pengarah Politeknik, Wakil Institut Latihan Perindustrian (ILP), Pengarah Institut Kemahiran Mara Kota Kinabalu serta Pengarah-pengarah Kolej Komuniti Kementerian Pendidikan Tinggi seluruh Sabah.

Kesemua mereka turut dibawa melawat ke beberapa destinasi menarik sekitar kampus UMS.